

(2)04 / C /P /656 / 2/ 2008

25 September 2008

Pk (EF) MPOB 02 /2008

Semua pemegang lesen kategori Estet,
Semua pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit,
Semua pemegang lesen kategori Kilang Penapis,
Semua pemegang lesen kategori Kilang Pelumat Isirung Sawit,
Semua pemegang lesen kategori Kilang Oleokimia dan
Semua pemegang lesen kategori Kemudahan Simpanan Pukal.

Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan,

**MAKLUMAT MENGENAI GUNATENAGA DI SEKTOR PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi latihan untuk melatih pekerja mahir khusus untuk sektor perladangan dan komoditi. MPOB memerlukan kerjasama daripada pihak Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan untuk mengemukakan maklumat keperluan gunatenaga bermula dari tahun 2007 hingga tahun 2015. Maklumat gunatenaga tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti peringkat/jenis pekerjaan yang diperlukan di sektor sawit pada masa hadapan supaya kursus/latihan yang ditawarkan di institut latihan ini dapat dirangka bagi memenuhi keperluan tersebut.


3. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga telah meminta supaya KPPK mengemukakan maklumat mengenai keperluan tenaga buruh asing di sektor perusahaan perladangan dan komoditi bermula dari tahun 2007 hingga 2015 bertujuan untuk mengenalpasti had siling pengambilan pekerja asing yang bersesuaian bagi sektor ini. Data yang Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan berikan akan juga digunakan untuk tujuan ini.

4. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 02/2008 [Pk (EF) MPOB 02/2008] yang memperincikan maklumat gunatenaga yang perlu dikemukakan kepada MPOB sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 21 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.
5. Kerjasama Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan untuk mengemukakan Borang Maklumat Gunatenaga kepada MPOB sebelum 30 Oktober 2008, didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

 "MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,



DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EF) MPOB 02 /2008
Tarikh Kuatkuasa : 25 September 2008
Perkara : **MAKLUMAT MENGENAI GUNATENAGA DI SEKTOR
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

1.0 TUJUAN

Untuk mengumpul maklumat mengenai gunatenaga di sektor perusahaan perladangan dan komoditi bagi mengenalpasti peringkat/jenis perkerjaan yang diperlukan selaras dengan cadangan Penubuhan Institut Latihan Perladangan (ILP).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi latihan untuk melatih pekerja mahir khusus untuk sektor perladangan dan komoditi. Sehubungan dengan itu, pihak industri dipohon untuk mengemukakan maklumat keperluan gunatenaga bermula dari tahun 2007 hingga tahun 2015. Maklumat gunatenaga tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti peringkat/jenis pekerjaan yang diperlukan di sektor sawit pada masa hadapan supaya kursus/latihan yang ditawarkan di institut latihan ini dapat dirangka bagi memenuhi keperluan tersebut.
- 2.2 Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga telah meminta supaya KPPK mengemukakan maklumat mengenai keperluan tenaga buruh asing di sektor perusahaan perladangan dan komoditi bermula dari tahun 2007 hingga 2015 bertujuan untuk mengenalpasti had siling pengambilan pekerja asing yang bersesuaian bagi sektor ini. Oleh yang demikian, data yang dikemukakan juga akan digunakan untuk tujuan ini.

3.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 3.1 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesehan) 2005 iaitu syarat am bagi pemegang lesen memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpos.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)
MPOB**

4.0 BORANG MAKLUMAT GUNATENAGA

- 4.1 Sehubungan itu, dikemukakan format bagi penyediaan maklumat gunatenaga tersebut seperti yang dilampirkan.
- 4.2 Borang berkenaan hendaklah diisi dengan lengkap dan dikembalikan kepada MPOB sebelum 30 Oktober 2008.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 02 / 2008 [Pk (EF) MPOB 02/2008] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori estet, kilang buah kelapa sawit, kilang penapis, kilang pelumat isirung sawit, kilang oleokimia dan kemudahan simpanan pukal.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 25 September 2008.

7.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

**DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB**

Tarikh: 25 September 2008

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>